

Amaran PM kepada peniup api perkauman

USAH BANGKIT
ISU SENSITIF

KUALA LUMPUR, Sabtu — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad memberi amaran keras kepada segolongan "tokoh" tertentu yang sengaja menyalakan api perkauman mengenai pelaksanaan sistem 3M di dalam Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR).

Kerajaan, menurut Perdana Menteri, akan bertindak tegas terhadap golongan berkenaan jika ia berpendapat kegiatan mereka telah sampai ke peringkat yang boleh mencetuskan huru-hara.

"Kita telah mengenali orang-orang berkenaan. Kegiatan ini diusahakan oleh kumpulan-kumpulan tertentu yang cuba menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan rakyat keturunan Cina.

"Kerajaan sedang memerhatikan kegiatan beberapa tokoh yang sengaja cuba membangkitkan isu perkauman, khususnya berhubung dengan pelaksanaan sistem 3M," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan

'Soal ini telah berkali-kali dibahasakan di Dewan Rakyat dan saya telah berulang kali menegaskan bahawa Kerajaan tidak bercadang untuk menukar taraf sekolah rendah jenis kebangsaan ke sekolah kebangsaan dalam pelaksanaan sistem 3M'

sidang Majlis Tertinggi (MT) UMNO.

Diminta mengulas lanjut mengenai "golongan tokoh" tersebut, Perdana Menteri menegaskan: "Saya ingin mereka sendiri berfikir mengena-

nainya".

Ini adalah komen terbuka pertama dari peringgi Kerajaan mengenai "kegelisahan setengah-setengah pihak tertentu" tentang pelaksanaan sistem 3M.

Datuk Seri Dr. Mahathir mengingatkan rakyat supaya jangan membangkit dan membahaskan isu sensitif, sama ada kepada Bumiputera atau bukan Bumiputera, kerana ia boleh mencetuskan huru-hara.

Oleh
BUSTAMAM AHMAD

Selanjutnya, beliau berkata, segala tuduhan terhadap Kerajaan mengenai pelaksanaan sistem tersebut adalah tidak berasas sama sekali.

"Tidak ada niat atau usaha Kerajaan untuk menukar bahasa pengantar di sekolah rendah jenis kebangsaan Cina. Pelaksanaan sistem 3M tidak akan menukar bahasa pengantar di sekolah rendah jenis kebangsaan Cina.

"Bahasa pengantar yang sedia ada akan dikekalkan. Hanya arahan Kerajaan sahaja akan disampaikan kepada guru-guru dalam Bahasa Malaysia," jelasnya.

Perdana Menteri juga menyebut tentang usaha golongan tersebut untuk

■ Kerajaan akan bertindak tegas terhadap golongan berkenaan jika ia berpendapat kegiatan mereka telah sampai ke peringkat yang boleh mencetuskan huru-hara ■

mengalihkan pula sistem 3M dengan Akta Pelajaran, terutama mengenai peruntukan yang membolehkan Kerajaan menukar taraf sekolah jenis kebangsaan kepada sekolah kebangsaan.

"Ini sengaja ditimbulkan oleh kumpulan-kumpulan tertentu yang cuba membangkitkan rasa tidak puas hati di kalangan rak-

yat keturunan Cina.

"Soal ini telah berkali-kali dibahasakan di Dewan Rakyat dan saya telah berulang kali menegaskan bahawa Kerajaan tidak bercadang untuk menukar taraf sekolah rendah jenis kebangsaan ke sekolah kebangsaan dalam pelaksanaan sistem 3M.

"Kerajaan memerlukan peruntukan tertentu dalam Akta Pelajaran bagi membolehkan menukar taraf sekolah jenis kebangsaan kepada sekolah kebangsaan jika terdapat permohonan dari sebuah sekolah jenis kebangsaan berkenaan," jelasnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkongsi sejarik Merdeka hanya terdapat sebuah sekolah rendah jenis kebangsaan yang telah ditukar tarafnya ke sekolah rendah kebangsaan.

Menurutnya, sekolah berkenaan adalah sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil, di Kelantan. "Ini dilakukan setelah sekolah sendiri memohon untuk ditukar tarafnya ke sekolah rendah kebangsaan kerana ia tidak dapat menarik minat penuntut-penuntut keturunan India," jelasnya.